


Dagangan dua hala agenda utama

BH- 6/3/2007



U SAHA mengukuhkan lagi hubungan dua hala Malaysia-Jepun dalam pelbagai bidang, terutama ekonomi menjadi agenda penting lawatan rasmi sulung Datuk Seri Najib Razak ke Jepun sempena ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik kedua-dua negara tahun ini.

Timbalan Perdana Menteri yang membawa bersama delegasi besar termasuk menteri dan ahli perniagaan akan berada di negara matahari terbit ini empat hari bertujuan untuk meningkatkan hubungan kedua-dua negara, malah merebut peluang pertumbuhan ekonomi Jepun dijangka terus pesat menerusi pelaburan langsung asing (FDI).

Sebagai sumber utama FDI ke Malaysia dengan pelaburan diluluskan berjumlah RM4.4 bilion tahun lalu, kehadiran Najib dijangka menarik minat lebih banyak pelaburan Jepun kerana Malaysia juga perlu bersaing dengan negara lain yang turut mahu merebut peluang daripada kepesatan ekonomi Jepun.


Tahun lalu, 64 projek diluluskan, antaranya membabitkan produk elektrik dan kejuruteraan, saintifik, mineral, plastik dan peralatan pengangkutan. Sejak 1980 hingga 2005, 2,099 projek pembuatan dengan pelaburan bernilai RM34.2 bilion dilaksanakan membabitkan syarikat utama seperti Bank of Tokyo-Mitsubishi, Matsushita, Densotrim, NEC, Panasonic serta Honda.

Dari segi perdagangan pula, nilai perdagangan kedua-dua negara tahun lalu ialah RM115.74 bilion yang mewakili 10.8 peratus nilai perdagangan Malaysia. Malaysia juga adalah destinasi eksport dan rakan dagang ketiga terbesar Jepun, selain sumber import terbesar negara.

Duta Malaysia ke Jepun, Datuk Mohd Radzi Abdul Rahman, dalam taklimat media semalam berkata, Malaysia mahu meningkatkan hubungan dalam semua aspek dan merebut peluang pertumbuhan pesat ekonomi negara itu, terutama FDI.

Katanya, antara usaha ialah memastikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan utama syarikat Jepun, menggalakkan pelaburan sedia ada dan menarik pelaburan baru.

"Kerajaan yakin pertumbuhan ekonomi Jepun akan kekal dan tumbuh lebih pesat, manakala syarikatnya pula mencari peluang pelaburan. Justeru, lawatan Timbalan Perdana Menteri akan membuka peluang lebih luas dalam kerjasama antara ke-



PERKUKUH HUBUNGAN: Najib berjabat dengan Aso ketika mengadakan kunjungan hormat di Tokyo, semalam.

rajaan serta sektor swasta.

"Lawatan ini juga memberi peluang kepada pertukaran pandangan dan maklumat mengenai politik, ekonomi dan perdagangan, sekali gus meningkatkan lagi hubungan dua hala," katanya.

Sementara itu, Najib bersama rombongan termasuk Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Jamaludin Jarjis, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Ng Lip Yong tiba petang semalam. Turut sama ialah pegawai kanan kerajaan serta 30 ahli perniagaan.

Lawatan Najib yang juga Menteri Pertahanan ke Tokyo dan Osaka termasuk mengadakan kunjungan hormat terhadap Perdana Menteri Jepun, Shinzo Abe dan menemui Menteri Luarnya, Taro Aso serta Menteri Pertahanan, Fumio Kyuma.

Sejurus tiba, beliau menemui Aso sebelum melawat dan meninjau, Malaysian Kitchen di sini, iaitu projek memperkenalkan restoran makanan Malaysia di luar negara menerusi

program Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi malam tadi.

Hari ini, Najib akan bermesyuarat dengan ahli Persatuan Ekonomi Jepun-Malaysia (Jameca), pemimpin dan pengkaji industri bioteknologi utama Jepun serta Perbadanan Kaneka, diikuti menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) Kaneka dengan Perbadanan Bioteknologi Malaysia mengenai kerjasama pembangunan

dan pengeluaran biopolimer menggunakan minyak sawit Malaysia sebagai makanan ternakan.

Beliau juga menyampaikan ucapan bertajuk *Peluang Perniagaan di Malaysia* pada jamuan tengah hari bersama ahli perniagaan Jepun dan melawat pusat pelupusan sampah Chuo Incinerator Plant, di Chuo-ku sebelum menemui Abe di pejabat Perdana Menteri, Sori Kantei.

Esok, Timbalan Perdana Menteri akan mengadakan pertemuan dengan ahli Liga Persahabatan Ahli Parlimen Jepun-Malaysia dan menyampaikan ucapan bertajuk *Mewujudkan Suasana Selamat yang Komprehensif di Asih Timur* di Institut Hal Ehwal Antarabangsa Jepun, diikuti majlis bertemu warga Malaysia dan pelajar di Jepun, di hotel penginapannya, Hotel Imperial, di sini sebelum berlepas ke Osaka menaiki kereta api laju atau Shinkansen.

Pada hari terakhir lawatan, Najib akan melawat Disaster Reduction and Human Institute di Kobe, diikuti menyampaikan ucapan mengenai peluang perniagaan di Malaysia dan melawat serta mendengar taklimat mengenai pembangunan semasa dan masa depan Lapangan Terbang Antarabangsa Kansai.

FAKTA NOMBOR

Dagangan Malaysia- Jepun

RM52.20b

Eksport ke Jepun pada 2006

RM63.54b

Import dari Jepun

RM115.74b

Nilai perdagangan kedua-dua negara pada 2006